

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 19 MAC 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 7

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

1. PR-1531-MQT2664

**Puan Isnaraissah Munirah Majilis [ Kota Belud ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah-langkah segera dan jangka panjang bagi meminimumkan kesan musim panas dan kering terhadap aktiviti tanaman padi khususnya di Sabah.

2. PR-1531-MQT2672

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian bagi memastikan kesejahteraan pekerja sosial di negara ini dan apakah status proses konsultasi terhadap RUU PKS yang terkini.

3. PR-1531-MQT2663

**Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan [ Sri Gading ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah tempoh tindakan yang akan diambil oleh pihak berkaitan dalam mengawal selia kecuaian pihak majikan sekiranya ada aduan daripada pekerja terhadap pihak berkuasa, sebagai contoh dalam kes kelewatan membayar gaji dan caruman KWSP yang berlaku di salah sebuah anak syarikat di bawah seliaan MBI Kedah.

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

**<http://www.parlimen.gov.my>**

**HARI SELASA, 19 MAC 2024, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 14**

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1531-L23689  
**Dato' Haji Shamshulkahar bin Mohd Deli [ Jempol ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan adakah Kementerian telah memutuskan untuk mewajibkan semua penyedia perkhidmatan platform media sosial yang beroperasi di negara ini berdaftar dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan dalam masa yang sama bagaimanakah Kementerian memastikan tindakan ini tidak menyekat kebebasan media.
  
2. PR-1531-L23852  
**Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk menangani masalah banjir kilat yang sering melanda mengakibatkan kerosakan harta benda di taman-taman perumahan dan kampung di sekitar Kuala Kedah .
  
3. PR-1531-L23301  
**Tuan Lim Lip Eng [ Kepong ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan sama ada "Lemon Law" akan diperkenalkan untuk melindungi hak pengguna dalam pembelian kenderaan baru dan terpakai sekiranya berlaku kerosakan.

## 4. PR-1531-L24168

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [ Sik ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan jangkaan perolehan status terkini pembelian lapan belas pesawat Fighter Lead-In Trainer-Light Combat Aircraft (FLIT/LCA) FA-50 bernilai RM4.08 bilion bagi kegunaan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

## 5. PR-1531-L23592

**Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [ Kuala Pilah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mekanisme yang dilaksanakan Kerajaan bagi memendekkan tempoh giliran menunggu jemaah haji dan perancangan Kerajaan bagi mempercepatkan giliran jemaah yang berusia atau warga emas supaya dapat menunaikan haji sementara masih sihat.

## 6. PR-1531-L23901

**Tuan Sabri bin Azit [ Jerai ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan statistik kesalahan melanggar kamera perangkap had laju di seluruh negara dan adakah pihak Kementerian bercadang menaikkan had laju kepada 120 KM/J.

## 7. PR-1531-L23554

**Tuan Azli bin Yusof [ Shah Alam ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan untuk membantu kerja-kerja menyelenggara dan membaik pulih pangsapuri kos sederhana rendah di seluruh negara khususnya di Parlimen Shah Alam.

## 8. PR-1531-L22761

**Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid [ Kuala Kangsar ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kutipan hasil daripada tawaran bidaan Nombor Pendaftaran Istimewa (NPI) dan perincian insiatif yang telah dilaksanakan oleh Kementerian dengan menggunakan hasil kutipan NPI sejak tahun 2018 sehingga 2023.

## 9. PR-1531-L23680

**Tuan Mordi Bimol [ Mas Gading ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah langkah khusus yang dapat diambil bagi menangani masalah kecurian dan vandalisme yang terjadi ke atas menara telekomunikasi di kawasan luar bandar sehingga menjelaskan liputan capaian talian telefon dan internet di kawasan terlibat .

10. PR-1531-L24131  
**Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [ Mersing ]** minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan sejauh manakah tindakan Kementerian mewujudkan persekitaran siber yang selamat, boleh dipercayai dan berdaya tahan selain mengekang insiden pencerobohan pangkalan data Kerajaan dan kebocoran maklumat orang awam oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.
11. PR-1531-L23651  
**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [ Ledang ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan laporan perkembangan terkini inisiatif Program Podium Sukan Elit (Program Podium) dan perancangan masa hadapan untuk menambah baik prestasi dan sasaran program.
12. PR-1531-L23355  
**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [ Beluran ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan senarai perjanjian persempadanan maritim yang telah ditandatangani oleh Kerajaan sehingga kini, serta apakah tindakan susulan yang diambil oleh Kerajaan.
13. PR-1531-L23718  
**Dato' Verdon bin Bahanda [ Kudat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasrat dan perancangan Kerajaan untuk penambahan kerusi Parlimen bagi wilayah Sabah dan Sarawak sesuai dengan tuntutan Perjanjian Malaysia 1963 serta mengimbangi suara wakil rakyat Sabah dan Sarawak di Dewan Rakyat.
14. PR-1531-L24240  
**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [ Pasir Mas ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan perkembangan siasatan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia terhadap lebih 430 buah syarikat yang disyaki terlibat dalam kartel berkaitan keperluan asas rakyat dan apakah perancangan Kementerian untuk membuat pindaan terhadap Akta Persaingan dan Akta Suruhanjaya Persaingan.
15. PR-1531-L24271  
**Tuan Lee Chean Chung [ Petaling Jaya ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah sasaran jangka pendek Kementerian dalam pembangunan teknologi hidrogen di Malaysia dengan pelancaran Pelan Hala Tuju Teknologi dan Ekonomi Hidrogen (HETR) pada tahun lalu.

16. PR-1531-L24024

**Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun [ Hulu Selangor ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sejauh manakah usul yang telah dibentang dan dibahaskan dalam persidangan Parlimen Belia Malaysia (PBM) diambil tindakan dan diguna pakai oleh Kerajaan.

17. PR-1531-L23467

**Datuk Hajah Siti Aminah binti Aching [ Beaufort ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah usaha yang telah dan akan dilaksanakan oleh pihak Kementerian dalam memastikan capaian internet di Sabah dalam Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) Fasa 2 mencapai kesalinghubungan dan perkhidmatan Internet berkualiti.

18. PR-1531-L24202

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [ Besut ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini perbincangan Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan untuk mengkaji isu-isu berkaitan Mahkamah Syariah dan apakah tindakan yang telah diambil hasil daripada syor dan cadangan yang dikemukakan dalam perbincangan tersebut.

19. PR-1531-L23618

**Tuan Roy Angau anak Gingkoi [ Lubok Antu ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan statistik kebakaran rumah panjang di Sarawak dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini serta status terkini rancangan pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat di Pekan Engkelili dan Lubok Antu.

20. PR-1531-L24005

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [ Setiu ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah bas baru beroperasi di Lembah Klang sejak November 2022 sehingga kini dan sasaran penambahan bas baru untuk tahun 2025.

21. PR-1531-L23676

**Tuan Mordi Bimol [ Mas Gading ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk mengatasi rentetan negatif akibat pemansuhan pencen bagi anggota-anggota perkhidmatan awam Kerajaan baharu berstatus tetap. Adakah cadangan ini terpakai juga kepada ke semua perkhidmatan awam, anggota kabinet dan wakil rakyat .

22. PR-1531-L24228

**Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [ Parit Buntar ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan langkah-langkah tegas Kementerian bagi menghadapi harga beras tempatan dan harga barang yang membebankan rakyat.

23. PR-1531-L23684

**Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kekangan yang dihadapi Kerajaan dalam melaksanakan Akta Perkhidmatan Parlimen walaupun akta ini pernah wujud sebelum dimansuhkan pada tahun 1993. Adakah rancangan reformasi Parlimen ini masih akan dilaksanakan.

24. PR-1531-L24333

**Datuk Dr. Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [ Pengkalan Chepa ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana kajian yang telah dibuat oleh Kerajaan sebelum membuat keputusan untuk memansuhkan pencen penjawat awam dan adakah Kerajaan mengambil kira implikasi ekonomi langsung kepada kaum Bumiputera Melayu yang merupakan majoriti penjawat awam.

25. PR-1531-L22785

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibu ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan membeli-belah dalam talian telah menjadi saluran membeli-belah penting untuk setiap keluarga, tetapi bayaran pos telah meningkatkan kos yang banyak. Adakah terdapat cara untuk negara kita mengurangkan kadar pos di Malaysia, terutamanya kadar pos antara Malaysia Timur dan Barat.

26. PR-1531-L24201

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [ Besut ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini kajian untuk meminda undang-undang Kanun Keseksaan (Akta 574) dan Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593) untuk mempercepat proses pemulangan duit kepada pelanggan berikut kes jenayah penipuan kewangan dalam talian yang semakin meningkat.

27. PR-1531-L22968

**Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [ Tampin ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan perkembangan terkini berhubung pelaksanaan 'Menu RAHMAH' setelah setahun diperkenalkan dan apakah status semasa berhubung kajian pemberian insentif kepada para peniaga yang telah terlibat untuk menjayakan inisiatif tersebut.

28. PR-1531-L24373

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan pendirian Kementerian dalam menetapkan garis panduan komuniti untuk menghalang kanak-kanak daripada memilik akses kepada akaun media sosial.

29. PR-1531-L23733

**Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [ Batu ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk membuka semula nombor pendaftaran yang masih tidak terjual di laman sesawang MYSIKAP bagi meningkatkan pendapatan negara dari hasil jualan nombor lama.

30. PR-1531-L23841

**Datuk Wetrom bin Bahanda [ Kota Marudu ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah terdapat perancangan Kementerian mewujudkan bangunan pejabat sendiri bagi Jabatan Pengangkutan Jalan Kota Marudu memandangkan pejabat yang ada sekarang mempunyai ruangan yang terhad dan apakah pihak Kementerian bercadang untuk menambah perjawatan kakitangan pejabat JPJ di kawasan Kota Marudu.

31. PR-1531-L24304

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kini terdapat lebih daripada 900,000 pesara Kerajaan, berapakah peratusan penjawat awam yang telah mengambil skim pencen dan skim KWSP mengikut pecahan kaum serta apakah kebaikan antara keduanya untuk menjadi pilihan.

32. PR-1531-L23603

**Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj [ Segamat ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan berapa jumlah peruntukan FINAS yang telah disalurkan kepada penerbit filem Melayu, Cina, Tamil dan lain-lain kategori serta berapa jumlah syarikat penerbit filem yang telah menerima peruntukan bagi tahun 2023.

33. PR-1531-L24220

**Tuan Afnan Hamimi bin Dato' Haji Taib Azamuddin [ Alor Setar ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah asas dan kriteria yang digunakan untuk mencalonkan sebuah kampung tradisi sebagai Tapak Warisan Dunia di bawah UNESCO.

34. PR-1531-L23450

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [ Tanah Merah ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan jumlah tangkapan yang dibuat oleh Pasukan Rejimen Sempadan (RS) di kawasan utara Semenanjung Malaysia berkaitan kes penyeludupan dan jenayah rentas sempadan serta apakah Kementerian Pertahanan bercadang untuk menyerahkan kawasan tanggungjawab RS sedia ada terutamanya di Negeri Kedah, Perak dan Kelantan kepada Pasukan Gerakan Am, Polis Diraja Malaysia (PDRM).

35. PR-1531-L23571

**Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun [ Port Dickson ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bagaimana Kementerian merancang untuk meningkatkan kebolehcapaian kepada perumahan yang berkualiti, terutamanya bagi golongan muda dan golongan berpendapatan sederhana.

36. PR-1531-L23563

**Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias [ Jelebu ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah kaedah atau teknologi terkini yang digunakan oleh Kementerian dalam menguruskan sampah sisa pepejal dan apakah perancangan jangka masa panjang pihak Kerajaan dalam menguruskan sisa pepejal ini terutamanya di kawasan luar bandar.

37. PR-1531-L24219

**Tuan Afnan Hamimi bin Dato' Haji Taib Azamudden [ Alor Setar ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah jaminan bahawa Kerajaan tidak akan melaksanakan Pilihan Raya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) termasuk meluluskan undang-undang mengenainya dan sebarang usaha yang berkaitan Pilihan Raya PBT.

38. PR-1531-L24279

**Tan Sri Haji Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) apakah usaha Kerajaan dalam melindungi dan mempertahankan Undang-undang Syariah yang pada ketika ini berhadapan dengan serangan kelompok yang mencabar keabsahan perundangan Syariah; dan
- (b) apakah kesediaan Kerajaan meminda Perlembagaan agar hak negeri-negeri untuk menggubal enakmen jenayah Syariah dapat dilindungi.

39. PR-1531-L23537

**Tuan Manndzri bin Nasib [ Tenggara ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan sehingga bilakah barang bersubsidi seperti gula, tepung, minyak petrol dan sebagainya yang diberikan oleh pihak Kerajaan dapat dinikmati oleh warga asing kerana tujuan asal pemberian subsidi adalah bagi membantu meringankan beban rakyat Malaysia.

40. PR-1531-L23690

**Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab-sebab kekosongan Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) masih belum diisi meskipun Pengerusi sebelumnya telah meletak jawatan enam bulan lalu dan nyatakan bila kekosongan ini akan diisi.

41. PR-1531-L24243

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [ Pasir Mas ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penjelasan berhubung kenyataan media yang dikeluarkan oleh beliau berkaitan derma RM500 juta dan RM750 juta sebaik sahaja pertemuan dengan Yang di-Pertuan Agong ke 16 Al Sultan Abdullah Riayatuddin Al-Mustafa Billah Shah pada 9 Januari 2024.

42. PR-1531-L23745

**Tuan Khoo Poay Tiong [ Kota Melaka ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah terdapat rintangan kepada pembentangan segera RUU Perkhidmatan Parlimen daripada agensi-agensi Kerajaan seperti sektor awam dan Kementerian Kewangan, dan apakah langkah yang sedang diambil untuk menangani rintangan tersebut supaya RUU ini dapat dibentangkan sebelum hujung tahun 2024.

43. PR-1531-L23625

**Tuan Riduan bin Rubin [ Tenom ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai projek pembangunan yang telah disiapkan, dalam proses pembinaan dan masih lagi belum dilaksanakan bagi baki tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) di Sabah mengikut kawasan Parlimen.

44. PR-1531-L24278

**Tan Sri Haji Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah peranan yang dimainkan oleh Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNHRC) dalam isu genosid di Gaza dan pengukuhan dasar solidariti Palestin.

45. PR-1531-L23579

**Tuan Suhaihan bin Kaiat [ Pulai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rancangan Kerajaan tidak memberi pencen kepada kakitangan awam bagi mengurangkan perbelanjaan Kerajaan dan apakah Kerajaan telah mengambil kira bantahan-bantahan masyarakat terhadap rancangan ini.

46. PR-1531-L24030

**Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun [ Hulu Selangor ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tindakan yang dilakukan bagi meningkatkan tahap keselamatan pengguna Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) susulan daripada kes jenayah seperti samun dan rogol yang berlaku di stesen KTM terutamanya lokasi-lokasi KTM yang terletak di kawasan yang agak sunyi.

47. PR-1531-L23593

**Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [ Kuala Pilah ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk menggalakkan pemaju membina rumah mampu milik di kawasan luar bandar khususnya di Kuala Pilah untuk memastikan belia di memiliki rumah sendiri.

48. PR-1531-L24247

**Dr. Radzi Jidin [ Putrajaya ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) apakah status terkini pelaksanaan *Put Option* oleh FELDA terhadap pegangan dalam Eagle High Plantations (EHP); dan
- (b) apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan terhadap pihak yang terlibat dalam meluluskan pelaburan melibatkan RM2.3 bilion ini memandangkan harga saham EHP telah jatuh daripada 584 Rupiah sesaham sewaktu dibeli kepada 51 Rupiah (7 Februari 2024).

49. PR-1531-L24329

**Tuan Zulkifli bin Ismail [ Jasin ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tindakan terhadap permohonan peruntukan sehingga empat kali oleh Majlis Perbandaran Jasin mengenai isu tanah runtuh di Taman Lipat Kajang Perdana Jasin yang melibatkan keselamatan 200 orang penduduk berdekatan tanah runtuh dan 2000 orang penduduk di taman di mana kejadian tanah runtuh berlaku.

50. PR-1531-L23730

**Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [ Batu ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk memberi rebat Rahmah kepada golongan pelajar dan B40 yang ingin mendapatkan lesen kenderaan kelas D.

51. PR-1531-L24039

**Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin [ Jerantut ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan hasil kajian kebolehlaksanaan projek High Speed Rail (HSR) KL - Singapura terutamanya daripada sudut keuntungan kepada rakyat serta pengiraan yang telah dibuat dalam memastikan projek ini tidak perlu disuntik dana oleh Kerajaan.

52. PR-1531-L22981

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [ Bera ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini Akta Pendanaan Politik, apakah akan dibentangkan di Dewan Rakyat dalam masa terdekat.

53. PR-1531-L23721

**Dato' Verdon bin Bahanda [ Kudat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasrat Kerajaan untuk mempercepatkan proses pemilikan tanah (*Native Title*) bagi rakyat Sabah melalui penyaluran dana pemetaan dan pengukuran (PANTAS).

54. PR-1531-L24251

**Dato' Hajah Mumtaz binti Md Nawi [ Tumpat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian, pembelaan dan tindakan Kerajaan terhadap kebiadapan kenyataan dan tindakan yang jelas menafikan dan mengancam pendirian serta pilihan wanita Islam yang memilih untuk menjaga hijab dan gaya hidup yang sesuai dengan hukum Islam dan nilai ketimuran dalam menjaga kesopanan dan maruah mereka seolah-olah mereka tidak berhak membuat pilihan tersebut.

55. PR-1531-L24307

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Mutalib [ Maran ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan syarat dan garis panduan perlantikan *liquidator* bagi mengendalikan sesebuah projek perumahan yang terbengkalai dan apakah ada garis panduan dalam pihak *liquidator* mengenakan yuran rounding terhadap pembeli rumah contohnya dalam urusan jual beli.

56. PR-1531-L24036

**Dr. Siti Mastura binti Muhammad [ Kepala Batas ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-

- (a) jenis-jenis kecederaan sukan dan proses rehabilitasi rawatan tersebut; dan
- (b) berapa kos rehabilitasi bagi setiap kecederaan sukan seperti yang disenaraikan.

57. PR-1531-L23716

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan mengapakah laporan Universal Periodic Review (UPR) tidak dibentang dan dibahaskan di Parlimen sebelum dihantar ke UN Human Rights Council dan mengapa tiada laporan Konvensyen PBB Mengenai Hak Orang Kurang Upaya Malaysia di sidang UN Human Rights Council 2024.

58. PR-1531-L24190

**Dato' Rosol bin Wahid [ Hulu Terengganu ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan jumlah kes tuntutan di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) yang berkait dengan hal ehwal pembelian kendaraan.

59. PR-1531-L23654

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [ Ledang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status rancangan untuk mengasingkan kuasa Peguam Negara dan pendakwaraya, dan adakah Kerajaan akan mempercepatkan rancangan tersebut memandangkan seruan awam yang semakin meningkat untuk membebaskan peranan pendakwaraya daripada pengaruh badan Eksekutif.

60. PR-1531-L24229

**Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [ Parit Buntar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha bagi menyelaraskan bidang kuasa kerajaan negeri berkaitan dengan agama supaya seragam di semua negeri.

61. PR-1531-L(5)00220

**Tuan Khoo Poay Tiong [ Kota Melaka ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) berapa bilangan tayar yang digunakan setiap tahun berlandaskan jenis kenderaan seperti kereta, motor, bas dan seumpamanya; dan
- (b) berapa bilangan sisa tayar terpakai setiap tahun dan cara-cara untuk melupuskannya seperti cara kitar semula.

**[ Pertanyaan di bawah PM.22(5) ]**

62. PR-1531-L23208

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan untung nasib 30,000 pemandu teksi biasa yang terpaksa berhenti operasinya sejak perkhidmatan e-hailing mula berjalan, apakah usaha untuk mereka yang terjejas.

63. PR-1531-L24042

**Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin [ Jerantut ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rancangan Kementerian dalam mengurangkan kenderaan di atas jalan.

64. PR-1531-L23622

**Tuan Riduan bin Rubin [ Tenom ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah respon Kerajaan terhadap cadangan untuk menggubal undang-undang berkaitan Akta Parlimen Berpenggal Tetap bagi menjamin kestabilan politik dan ekonomi daripada digangu gugat oleh anasir-anasir yang berpotensi memudaratkan sistem demokrasi berparlimen negara.

65. PR-1531-L23429

**Komander Nordin bin Ahmad Ismail TLDM (Bersara) [ Lumut ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan mengenai peratusan anggota pasukan khas (Rejimen Gerak Khas/ KOMANDO, PASKAL dan PASKAU) yang memilih untuk bersara awal berbanding mereka yang berjaya menamatkan latihan tetapi memilih untuk berkhidmat di sektor swasta dengan gaji yang ditawarkan lebih tinggi serta berapakah jumlah kerugian dari segi masa dan kos yang terpaksa ditanggung oleh pihak Kerajaan dalam menghadapi masalah ini.

66. PR-1531-L24038

**Dr. Siti Mastura binti Muhammad [ Kepala Batas ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan senarai stadium persendirian, perbadanan stadium negeri atau Malaysia dan pihak berkuasa tempatan seluruh negara.

67. PR-1531-L23542

**Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli [ Batang Lupar ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah langkah dan penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang yang diambil oleh Kementerian bagi menyelesaikan masalah capaian dan liputan internet yang masih lemah di kawasan luar bandar dan pedalaman Sarawak.

68. PR-1531-L24250

**Dato' Hajah Mumtaz binti Md Nawi [ Tumpat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Pusat Pemindahan Kekal Bencana akan dibina di Kelantan khususnya di Tumpat dan Rantau Panjang yang seringkali dilanda banjir dan berapa anggaran kos pembinaannya.

69. PR-1531-L23465

**Tuan Chong Zhemin [ Kampar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah dana Kerajaan yang dijangka jimat selepas kakitangan awam tidak diberi skim pencen.

70. PR-1531-L24034

**Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [ Kota Bharu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) apakah Kerajaan telah melaksanakan kajian terperinci termasuk sesi libat urus dengan pelbagai pihak sebelum pengumuman pemansuhan skim pencen kepada penjawat awam baharu; dan
- (b) adakah Kerajaan berhasrat meminda Perlembagaan Persekutuan bagi melaksanakan dasar tersebut memandangkan hak pencen termaktub dalam Perkara 147 Perlembagaan Persekutuan.

71. PR-1531-L24298

**Tuan Hassan bin Saad [ Baling ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan usaha Kementerian bagi mengurangkan harga rumah sehingga golongan B40 dan M40 tidak berpeluang membeli rumah kerana harganya terlalu tinggi.

72. PR-1531-L23480

**Tuan Zahir bin Hassan [ Wangsa Maju ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rancangan bagi tempoh 7 tahun akan datang bagi mengatasi masalah parkir kenderaan di Kuala Lumpur memandangkan pertambahan bilangan kenderaan dan kesesakan yang dijangka akan bertambah berikutan projek-projek pembangunan yang bakal siap dalam tempoh tersebut sementara menunggu sistem pengangkutan awam ditingkatkan.

73. PR-1531-L23566

**Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias [ Jelebu ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah langkah-langkah awal yang diambil oleh pihak Kementerian bagi memastikan tidak berlaku sebarang kekurangan bekalan makanan atau peningkatan harga barang yang ketara menjelang perayaan Aidilfitri pada bulan April nanti.

74. PR-1531-L22771

**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) adakah Kementerian berhasrat untuk mengemaskini Garis Panduan Perancangan Tapak Insinerator yang kali terakhir dikeluarkan pada 1997; dan
- (b) impak pelepasan *insinerator waste-to-energy* kepada jejak karbon dan komitmen kepada Perjanjian Paris.

75. PR-1531-L23759

**Tuan Edwin anak Banta [ Selangau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah ada penambahan kouta Bumiputera Sarawak khasnya kaum Dayak berkelayakan untuk diberikan peluang menjadi sebahagian *policy makers* di dalam jabatan-jabatan Kerajaan.

76. PR-1531-L22781

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibu ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan status bantahan Malaysia terhadap Australia, United Kingdom, United States (AUKUS) dan langkah selanjutnya memandangkan AUKUS akan terus dilaksanakan.

77. PR-1531-L23672

**Dato' Haji Shamshulkahar bin Mohd Deli [ Jempol ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menetapkan suatu kos dan bantuan tetap untuk semua jemaah haji muassasah yang pertama kali menunaikan haji tanpa mengikut pecahan kumpulan B40, M40 dan T20 sesuai dengan konsep istito'ah iaitu kemampuan mengerjakan ibadah haji.

78. PR-1531-L23751

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail [ Bandar Tun Razak ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh manakah pelaksanaan *Womans Coach* yang telah diperkenalkan pada 18 September 2023 bagi penumpang wanita di MRT Laluan Kajang - Sg.Buloh dan bila inisiatif ini akan diperluaskan ke MRT 2 Laluan Putrajaya - Damansara untuk perjalanan lebih selesa terutamanya pada waktu puncak.

79. PR-1531-L23586

**Tuan Roy Angau anak Gingkoi [ Lubok Antu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai rancangan serta inisiatif di bawah Program Khas Bumiputera Sarawak serta pencapaian program tersebut dalam membantu membangunkan tahap sosioekonomi dan meningkatkan pendapatan suku kaum Dayak dan Orang Ulu yang tinggal di luar bandar dan pedalaman.

80. PR-1531-L24366

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan tindakan drastik yang akan diambil Kementerian untuk melepaskan negara daripada himpitan kos sara hidup berikutan kenaikan harga barang akibat kenaikan lapan peratus cukai perkhidmatan.

81. PR-1531-L23524

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah program dan langkah Kementerian dalam membina keupayaan 171 Pegawai Daerah (DO) dan 155 Ketua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara dalam membudayakan Sustainable Development Goals (SDGs) dalam tugasannya masing-masing dengan swasta/industri, komuniti/kumpulan.

82. PR-1531-L23574

**Tuan Suhaizan bin Kaiat [ Pulai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah panduan, peraturan serta perancangan Kerajaan untuk mengawal pelarian UNHCR Rohingya dan peranan UNHCR dalam menguruskan pelarian di Malaysia.

83. PR-1531-L23482

**Tuan Chow Yu Hui [ Raub ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan statistik, dipecahkan mengikut penyiasatan, pertuduhan dan sabitan, di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia bagi tempoh Januari 2023 hingga Disember 2023.

84. PR-1531-L23530

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah kejayaan Kerajaan Madani dalam melaksanakan Perjanjian Malaysia 1963 terutama yang berkait dengan Perlembagaan Persekutuan dan IGC.

85. PR-1531-L23636

**Tuan Mohd Sany bin Hamzan [ Hulu Langat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha Kerajaan mengatasi masalah kebanjiran warga asing di bawah agensi UNHCR yang terlalu ramai tanpa kawalan sewajarnya serta tanpa kemudahan manusiawi sehingga mereka terlantar merata-rata menyusahkan rakyat.

86. PR-1531-L23130

**Datuk Seri Utama Ir. Hasni bin Mohammad [ Simpang Renggam ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah asas pemansuhan skim pencen bagi lantikan baharu penjawat awam dari segi tanggungan Kerajaan dan produktiviti kerja.

87. PR-1531-L23547

**Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli [ Batang Lutar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik kes penipuan dalam talian termasuk di Sarawak serta strategi Kementerian bagi membanteras kegiatan penipuan dalam talian yang sering mensasarkan penjawat awam, suri rumah dan warga emas.

**PADA PERMULAAN URUSAN MESUARAT**  
**MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN**  
**UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA**

1. **Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup**

- \* Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024.

---

\* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesuarat ini.

### **ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. ( D.R 41/2023 ) Rang Undang-Undang Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing 2023  
**- Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”.**  
**[ 18 Mac 2024 ]**

**[ Perdana Menteri ]**

2. ( D.R 4/2024 ) Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2023) **Bacaan Kali Yang Kedua**  
2024

**[ Menteri Kewangan ]**

**DAN**

**Menteri Kewangan** akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan ini, mengikut subsekyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak enam bilion tiga belas juta empat ratus sebelas ribu tiga ratus sembilan puluh ringgit (RM6,013,411,390) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2023 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2023 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4 Tahun 2024 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang sembilan dan sepuluh penyata tersebut.”

3. ( D.R 6/2024 ) Rang Undang-Undang Polis (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Yang Kedua**

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

4. ( D.R 37/2023 ) Rang Undang-Undang Lembaga Lebuh Raya Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2023 " "

**[ Menteri Kerja Raya ]**

5. ( D.R 38/2023 ) Rang Undang-Undang Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah (Pindaan) 2023 " "

**[ Perdana Menteri ]**

6. ( D.R 35/2023 ) Rang Undang-Undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**

**[ Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam ]**

7. ( D.R 2/2024 ) Rang Undang-Undang Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024 "

**[ Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam ]**

8. ( D.R 5/2024 ) Rang Undang-Undang Perbekalan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2024 "

**[ Menteri Kewangan ]**

**DAN**

**Menteri Kewangan** akan mencadangkan :

"BAHAWASANYA, berikutan penyusunan semula Kabinet pada 12 Disember 2023, beberapa kementerian telah disusun semula dan dinamakan semula, beberapa kementerian baharu telah ditubuhkan dengan fungsi-fungsinya dipindahkan daripada kementerian-kementerian lain:

DAN BAHAWASANYA Perbelanjaan Pembangunan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu telah diluluskan oleh Dewan ini dan diperuntukkan bagi maksud-maksud seperti yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2024:

DAN BAHAWASANYA terdapat keperluan untuk menyelaraskan peruntukan perbelanjaan berkenaan dengan beberapa kementerian yang telah disusun semula dan dinamakan semula itu berikutan dengan penyusunan semula fungsi-fungsi kementerian:

DAN BAHAWASANYA amaun yang belum dibelanjakan berhubung dengan kementerian-kementerian yang peruntukan perbelanjaannya perlu dikurangkan itu akan disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen 8, Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406]:

DAN BAHAWASANYA menurut subsekyen 4(2), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], penguntukan semula peruntukan perbelanjaan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang telah disusun semula dan dinamakan semula dan kementerian-kementerian baharu itu hanya boleh dilakukan melalui suatu Usul yang diluluskan oleh Dewan ini:

BAHAWA DEWAN INI, mengikut subsekyen 4(3), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang sebanyak enam bilion lima ratus enam puluh satu juta enam ratus enam belas ribu tiga ratus ringgit (RM6,561,616,300) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2024, bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2024 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 7 Tahun 2024 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang ketujuh dan kelapan Penyata tersebut dan Usul ini disifatkan telah berkuat kuasa pada 3 Januari 2024.”

9. ( D.R 3/2024 ) Rang Undang-Undang Wang Tak Dituntut (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Yang Kedua**

**[ Menteri Kewangan ]**

10. ( D.R 1/2024 ) Rang Undang-Undang Perniagaan Perkhidmatan Wang (Pindaan) 2024 "

**[ Menteri Kewangan ]**

11. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :

“Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM15,149 juta di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama, iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) sebanyak RM149 juta bagi Disember 2023 dan RM15,000 juta bagi tempoh Januari hingga Februari 2024 ke Kumpulan Wang Pembangunan”.

12. PR-1531-U(27)308

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mempertimbangkan pengecualian kenaikan cukai perkhidmatan sebanyak dua peratus dari enam ke lapan peratus terhadap bil elektrik dan air yang dijadualkan bermula Mac 2024.

Kadar kenaikan ini pastinya akan menambah beban bulanan isi rumah terutama golongan B40 serta M40 dan perniagaan termasuklah sektor pembuatan dan perkhidmatan. Justeru, memandangkan situasi ekonomi negara yang masih belum pulih sepenuhnya dan ditambah lambakan cukai baharu yang akan mula dilaksanakan pada tahun 2024, Kerajaan seharusnya mengekalkan kadar cukai perkhidmatan sedia ada untuk bil elektrik seperti yang diberikan kepada sektor makanan dan minuman, tempat letak kereta dan telekomunikasi."

**[ Menteri Kewangan ]**

13. PR-1531-U(27)309

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa cukai barang dan perkhidmatan (GST) untuk diperkenalkan semula bagi menjana kembali pendapatan negara dengan lebih baik dengan melaksanakan beberapa penambahbaikan terhadap mekanisme GST itu sendiri.

Kerajaan boleh mempertimbangkan kadar GST yang lebih rendah iaitu daripada 6 peratus kepada 4 peratus yang dilihat lebih munasabah serta tidak membebankan pengguna dan pembayar cukai. Manakala pelaksanaan serta pematuhan perlu dipermudah dengan kesan minima kepada perniagaan seperti penambahbaikan mekanisme pembayaran semula cukai dapat disegerakan dalam tempoh 14 hari dan Kerajaan perlu melantik auditor bebas dari pihak swasta untuk menyemak rekod bagi memastikan tiada sebarang pelanggaran cukai berlaku.

Sistem percukaian GST yang pernah dilaksanakan negara sebelum ini adalah sistem cukai yang lebih baik berbanding pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dan lambakan cukai yang akan dilaksanakan pada tahun ini, dan seharusnya Kerajaan perlu segera mengambil iktibar dari kesan pemansuhan GST pada 2018 yang telah membebankan rakyat sehingga hari ini."

**[ Menteri Kewangan ]**

14. PR-1531-U(27)310

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk membuat penetapan dengan lebih adil bagi perlaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) terhadap cabang perubatan dengan tidak membebankan pesakit yang menjalani rawatan perubatan tradisional dan komplementari (PT&K / TCM).

Sektor TCM, merangkumi ubat-ubatan tradisional Cina dan Melayu serta perubatan ayurveda adalah cabang sistem penjagaan kesihatan dan adalah tidak wajar dikenakan SST sama seperti perubatan moden atau barat.

Malah, menurut seksyen 37, Garis Panduan Perkhidmatan Profesional bertarikh 21 September 2021 yang dikeluarkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) jelas memberi pengecualian SST kepada perkhidmatan perubatan dan pembedahan kepada manusia dan haiwan yang ditawarkan oleh pengamal perubatan di klinik swasta, klinik pakar termasuk khidmat runding oleh pengamal perubatan.

Maka, kerajaan digesa untuk konsisten dan kekal memberi pengecualian bagi perkhidmatan TCM ini daripada dikenakan cukai SST sama seperti pengecualian SST ke atas perkhidmatan perubatan moden."

**[ Menteri Kewangan ]**

## 15. PR-1531-U(27)311

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini mencadangkan tahun 2024 adalah merupakan ulang tahun ke-50 penubuhan hubungan diplomatik antara Malaysia dan Republik Rakyat China, berikutan pemeteraian Kenyataan Bersama (*Joint Communique*) antara Perdana Menteri Tun Abdul Razak dan Perdana Menteri Chou En-Lai pada 31 Mei 1974.

China adalah rakan dagangan terbesar Malaysia sejak 2009 dan angka ini saban tahun meningkat, dan China akan menjadi kuasa ekonomi terbesar dunia menjelang tahun 2030 mengatasi Amerika Syarikat.

Maka, diusulkan Kerajaan untuk mengadakan sambutan besar-besaran sempena meraikan ulang tahun hubungan diplomatik yang penuh bersejarah ini bagi merapatkan keakraban antara Malaysia dan China yang secara tidak langsung dapat memberi nilai tambah kepada pertumbuhan ekonomi negara menerusi pelbagai bidang kerjasama termasuklah perdagangan dan pelaburan. "

**[ Menteri Luar Negeri ]**

## 16. PR-1531-U(27)312

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kementerian untuk mewujudkan dasar buruh asing yang jelas dan polisi yang lengkap dalam memastikan kehadiran buruh asing tidak akan membenggu ekonomi Malaysia kerana mereka telah pun mendominasi beberapa industri dalam negara bukan lagi sebagai pekerja tetapi sebagai pengusaha.

Kehadiran pekerja migran diakui dapat membantu negara mengatasi masalah kekurangan pekerja dan membantu mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi. Namun, kemasukan buruh asing yang ketara bermula sejak akhir 1980-an didukung oleh dasar perindustrian yang pesat sebaliknya memberi impak negatif pada hari ini. Pada tempoh awal kemasukan mereka di Malaysia, mereka hanya terlibat sebagai buruh kasar di sektor formal. Usai peredaran masa, berlaku anjakan pekerjaan pekerja migran untuk menyesuaikan keadaan ekonomi terutamanya semasa krisis ekonomi 1997 dan 2008.

Lebih merunsingkan, pertumbuhan penduduk warga asing kini telah pun melangkau lebih dari 2 generasi. Adalah dijangka fenomena anjakan pekerja kepada pengusaha asing dalam sektor formal dan tidak formal ini akan menyebabkan usaha kerajaan untuk mengurangkan perbezaan jurang pendapatan menjadi semakin sulit."

**[ Menteri Sumber Manusia ]**

17. PR-1531-U(27)313

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kementerian untuk menubuhkan satu Institut Hak Asasi, Penyelidikan dan Pembangunan Orang Asli. Malaysia sebagai salah satu ahli Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB) pada dasarnya telah bersetuju pada 13 September 2007 berkaitan dengan *Declaration on the Rights of Indigenous People* dengan resolusi untuk menubuhkan *National Institution on The Rights of Indigenous People*. Namun sehingga hari ini, kita masih belum menubuhkan sebarang institut yang mengangkat martabat orang asli.

Adalah dicadangkan Universiti Teknologi MARA (UiTM) sebagai peneraju selaras peranan mereka dalam memajukan bumiputera sekaligus mengiktiraf orang asli sebagai kaum bumiputera di Malaysia malahan capaian lokaliti UiTM dilihat mempunyai kelebihan lantaran kewujudan kampus di serata Malaysia.

Penubuhan Institut Orang Asli ini bukanlah untuk mengambil alih peranan Majlis Penasihat Kebangsaan Masyarakat Orang Asli (MPKPMOA) sebagai penasihat kerajaan, atau Jabatan Kemajuan Orang Asli (JKOA). Sebaliknya, Institut ini boleh menjadi gandingan yang mempunyai autoriti dan kefahaman menyeluruh dalam memberikan pandangan yang berwibawa serta mempunyai merit bagi melaksanakan perancangan yang melibatkan Orang Asli.

Sudah tiba masanya Orang Asli perlu di beri peluang sepenuhnya, secara terus dan aktif, mengurus dan mentadbir serta mengemudi institusi, budaya dan cara hidup yang berkait secara langsung dengan arus pembangunan negara."

**[ Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah ]**

18. PR-1531-U(27)314

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan mewujudkan dasar dan polisi Pembangunan Tempatan Diterajui Komuniti atau *Community Led Local Development* yang mewajibkan syarikat-syarikat yang memperolehi projek mega berjumlah RM500 juta ke atas untuk menyedia satu dana khas secara tanggungjawab sosial korporat atau CSR bagi program pembangunan bakat tempatan dan setempat yang bersifat holistik yang akan menyokong perkembangan ekonomi setempat.

Dasar ini menyokong tindakan pembangunan tempatan, bertujuan untuk menggerakkan dan melibatkan masyarakat tempatan dengan membina potensi khusus setiap lokaliti dan menyokong bakat tempatan terutama golongan bumiputera. Kehadiran projek mega ke sesuatu tempat terutama kawasan luar bandar sewajarnya memberi manfaat berterusan sebelum, semasa dan selepas pembinaan kepada penduduk setempat. Dengan mewujudkan syarikat dari dana CSR projek mega ini mampu membangun bakat setempat di samping manfaat ekonomi berterusan kepada mereka.

Adalah menjadi harapan, limpahan atau *spill over* impak projek pembangunan mega dapat dirasai dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk setempat."

#### [ Menteri Kewangan ]

19. PR-1531-U(27)315

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengambil tindakan drastik untuk melepaskan negara dari himpitan Kos Sara Hidup. Pada 25 Januari kenyataan akhbar telah membicarakan Harga Ayam yang dijangka naik disebabkan tarif air naik dan baru-baru ini diumumkan insurans kereta akan meningkat bermula 1 Mac akibat kenaikan 8% cukai perkhidmatan yang turut melibatkan insurans dan lain-lain.

Sumbangan STR mungkin dapat meringankan sedikit beban perbelanjaan kepada penerima tetapi peningkatan harga menimbulkan cabaran kepada isi rumah dengan tahap kesusahan berbeza mengikut kumpulan pendapatan dan menyebabkan kesan lebih ketara seterusnya menjadikan kumpulan berkenaan lebih mudah terdedah kepada tekanan kos sara hidup. Oleh hal yang demikian, adalah diharapkan Kementerian segera dapat mengambil tindakan sewajarnya untuk mententeramkan kegusaran rakyat yang berhadapan bebanan ekonomi. "

#### [ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup ]

20. PR-1531-U(27)316

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan segera membina Pangkalan di Beting Patinggi Ali. Sehingga kini tiada langkah tegas yang diambil pihak Kerajaan untuk menghalang pencerobohan kapal China di Beting Patinggi Ali yang terletak dalam kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia. Adalah diharapkan pihak Kerajaan dapat merancang dan melaksanakan mekanisme yang lebih efektif untuk menangani masalah ini setelah nota diplomatik yang dihantar pihak Malaysia seperti tidak dihiraukan bagi memastikan Beting Patinggi Ali menjadi hak Malaysia."

#### [ Menteri Pertahanan ]

21. PR-1531-U(27)317

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan tembok kekal di sempadan Malaysia-Thailand bagi mengekang kegiatan penyeludupan dan jenayah rentas sempadan di negara ini. Pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia-Thailand perlu agar dapat merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand adalah sangat diperlukan.

Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia - Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia - Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara. "

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

22. PR-1531-U(27)318

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan bersikap adil dalam mengamalkan kebebasan media di Malaysia. Kerajaan tidak seharusnya menjadikan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) sebagai alat politik untuk menyekat mana-mana isi kandungan media yang tidak 'pro' Kerajaan atau tidak sependapat dengan Kerajaan. YAB Perdana Menteri yang memerintah Kerajaan pada masa ini telah berikrar dalam manifestonya untuk memastikan hak kebebasan bersuara dan melindungi kebebasan media. Namun, keadaan sebaliknya berlaku selepas beberapa bulan beliau membentuk Kerajaan.

Lebih mendukacitakan, kebebasan media yang diwar-warkan Kerajaan hanyalah terhad kepada 'pro' Kerajaan sahaja, manakala parti pembangkang secara halus dikenakan sekatan kepada akses media. Mana-mana media rasmi Kerajaan mahupun swasta tidak diberi kebenaran untuk menyiaran berita mengenai parti pembangkang mahupun pihak yang menentang Kerajaan. Oleh hal demikian, Kementerian digesa supaya berlaku adil dalam menyalurkan maklumat kepada rakyat. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan hak kebebasan media tidak dicabul sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak tertentu. "

**[ Menteri Komunikasi ]**

23. PR-1531-U(27)319

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk segera menyelesaikan masalah pekerja e-hailing dan p-hailing. Akta khusus perlu diwujudkan segera oleh pihak Kerajaan berkaitan ekonomi gig agar isu-isu yang berkaitan ini tidak berlarutan kerana hanya pihak Kerajaan yang boleh merangka dan mengeluarkan polisi atau garis panduan meliputi keseluruhan ekosistem ekonomi gig p-hailing. Kerajaan digesa untuk campur tangan di dalam isu pengurangan upah penunggang p-hailing dan mengambil tindakan sewajarnya untuk membela nasib kumpulan pekerja ekonomi gig ini."

**[ Menteri Pengangkutan ]**

24. PR-1531-U(27)320

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan.

Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Susulan pembangunan Nusantara, ibu negara baharu Indonesia di Kalimantan Timur dan dengan siapnya Lebuh Raya Sematan – Telok Melano secara tidak langsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjung Datu.

Oleh hal yang demikian, tindakan segera kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

25. PR-1531-U(27)321

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan agar memperluaskan Program Kemudahan Sokongan Akaun 2 (FSA2) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kepada pencarum berusia bawah 40 tahun ke bawah. Inisiatif FSA2 dilihat sebagai alternatif segera yang dapat membantu rakyat yang terkesan dalam menangani isu kos sara hidup dan kenaikan harga barang pada masa ini."

**[ Menteri Kewangan ]**

26. PR-1531-U(27)322

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan meletakkan sebuah garis panduan untuk sekolah-sekolah bagi pengurusan dana, perbelanjaan, dan juga aktiviti kutipan wang daripada pelajar, ibu-bapa, dan orang ramai. Selain itu, sebuah badan pemantau perlu diwujudkan bagi memastikan garis panduan ini dipatuhi.

Ini kerana, kini sudah menjadi sebuah kelaziman untuk pihak-pihak sekolah menganjurkan program-program dan majlis-majlis yang memakan belanja besar, yang menggunakan duit daripada poket pelajar. Sebahagian daripada majlis ini mewajibkan kehadiran, dan sebahagian lainnya adalah secara sukarela. Tetapi harus kita faham, kewujudan jurang ekonomi akan membuatkan wujudnya golongan pelajar yang rasa keciciran sosial disebabkan faktor kewangan keluarga. Ia juga membuat mereka berasa tertekan serta memberi tekanan kepada ibu-bapa, lebih-lebih lagi dalam situasi ekonomi kini.

Bukan sahaja untuk majlis, malah sering juga pihak sekolah membuat kutipan wajib bagi pembaharuan infrastruktur, dan kutipan ini kadangkala boleh mencecah ratusan ringgit. Isu ini merupakan sebuah isu yang kurang mendapat perhatian tetapi penting untuk dibawa ke hadapan kerana ia melibatkan sosioekonomi keluarga B40 & M40 serta kesejahteraan perkembangan minda dan emosi para pelajar yang bakal menjadi teraju negara ini di masa hadapan.

Selain itu, dibimbangi jika tiada pemantauan dilakukan, perkara ini akan membuka ruang untuk pihak tertentu mengambil kesempatan."

**[ Menteri Pendidikan ]**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2024</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
DR. 4	Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mengenai Pengurusan Pembangunan Hartanah Lembaga Pembangunan Langkawi di bawah Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kementerian Kewangan Malaysia	19 Mac 2024
ST. 42	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) 2009 (Pindaan) 2023 P.U. (A) 399/2023 diwartakan pada 27 Disember 2023	19 Mac 2024
ST. 43	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.7) 2023 P.U. (A) 410/2023 diwartakan pada 29 Disember 2023	19 Mac 2024
ST. 44	AKTA CUKAI JUALAN 2018 Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan daripada Pembayaran Cukai) (Pindaan) 2023 P.U. (A) 106/2023 diwartakan pada 31 Mac 2023	19 Mac 2024
ST. 45	AKTA CUKAI JUALAN 2018 Perintah Cukai Jualan (Barang Yang Dikecualikan daripada Cukai) (Pindaan) 2023 P.U. (A) 109/2023 diwartakan pada 4 April 2023	19 Mac 2024
ST. 46	AKTA CUKAI JUALAN 2018 Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan daripada Pembayaran Cukai) (Pindaan) (No.2) 2023 P.U. (A) 332/2023 diwartakan pada 2 November 2023	19 Mac 2024
ST. 47	AKTA CUKAI JUALAN 2018 Perintah Cukai Jualan (Barang Yang Dikecualikan daripada Cukai) (Pindaan) (No.2) 2023 P.U. (A) 401/2023 diwartakan pada 28 Disember 2023	19 Mac 2024

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**  
**(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2024</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST. 48	AKTA CUKAI JUALAN 2018  Perintah Cukai Jualan (Penentuan Barang Bernilai Rendah) 2023  P.U. (A) 403/2023 diwartakan pada 28 Disember 2023	19 Mac 2024
ST. 49	AKTA CUKAI JUALAN 2018  Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai bagi Barang Bernilai Rendah) 2023  P.U. (A) 404/2023 diwartakan pada 28 Disember 2023	19 Mac 2024
ST. 50	AKTA CUKAI JUALAN 2018  Perintah Cukai Jualan (Orang yang Dikecualikan daripada Pembayaran Cukai) (Pindaan) (No.3) 2023  P.U. (A) 411/2023 diwartakan pada 29 Disember 2023	19 Mac 2024
ST. 51	AKTA EKSAIS 1976  Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.3) 2023  P.U. (A) 409/2023 diwartakan pada 29 Disember 2023	19 Mac 2024
ST. 52	AKTA EKSAIS 1976  Perintah Duti Eksais (Pindaan) 2024  P.U. (A) 10/2024 diwartakan pada 16 Januari 2024	19 Mac 2024
ST. 53	AKTA EKSAIS 1976  Perintah Duti Eksais (Pembayaran Penyediaan Pracampuran) 2024  P.U. (A) 12/2024 diwartakan pada 16 Januari 2024	19 Mac 2024
ST. 54	AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 2018  Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai) (Pindaan) 2024  P.U. (A) 64/2024 diwartakan pada 26 Februari 2024	19 Mac 2024
ST. 55	AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 2018  Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai Perkhidmatan Digital) (Pindaan) 2024  P.U. (A) 67/2024 diwartakan pada 26 Februari 2024	19 Mac 2024

**\*\*UCAPAN-UCAPAN**  
**( PERATURAN MESYUARAT 17 )**  
**( KAMAR KHAS )**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
19.03.2024 (Selasa)	1. YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)	1. Kebimbangan terhadap Minyak Sawit kerana Kewujudan Bahan Pencemar Pro-Karsinogen  2. Mengembalikan Jiwa Asal <i>One Stop Center</i> di Peringkat Pihak Berkuasa Tempatan	1. YB Menteri Perladangan dan Komoditi  2. YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan
	2. YB Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin (Jerantut)	3. Merealisasikan TVET Tahfiz di Jerantut melalui ADTEC  4. Cadangan Pemasangan Lampu Jalan Solar di Jalan-Jalan di bawah Kelolaan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah	3. YB Menteri Sumber Manusia  4. YB Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah

\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)